

'Malaysia bukan negara polis'

Tiada undang-undang diwujudkan untuk mengawal, menahan dan menindas rakyat

Oleh Fazi Abdullah dan Saufi Hamzah

KEPALA BATAS: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam membuka mulut dalam suasana ceria, mengenai perjumpaannya dengan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, yang diadakan secara tertutup Ahad lalu.

Perdana Menteri yang sempat berseloroh dengan wartawan pada sidang media di majlis Rumah Terbuka Aidilfitri di Dewan Millenium di sini, menjelaskan beberapa isu yang dibangkitkan oleh Dr Mahathir pada pertemuan itu.

La antara lain membabitkan tuduhan Dr Mahathir bahawa Malaysia sudah menjadi negara polis, pembabitan anak dan menantunya dalam perniagaan dan pentadbiran negara, serta larangan ke atas bekas Perdana Menteri berjumpa ahli Umno.

Sidang media lebih 30 minit itu turut dihadiri Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan anak Perdana Menteri, Kamaludin, serta pemimpin Umno Bahagian Kepala Batas.

Berikut adalah sedutan sidang media berkenaan:

PM: Saya kenalah sediakan jawapan kepada banyak perkara yang ditimbulkan. Sebenarnya, ketika pertemuan saya dengan beliau, saya beri kesempatan kepada beliau untuk luahkan apa yang dia tak senang hati, tak seronok.

Jadi, itulah yang telah dilakukan, sejam setengah. Ada antaranya pada masa dia cakap saya rasa sangat nak masuk (mencelah) nak berhujah dengan dia (apa) saya tak setuju apa yang dia cakap. Tapi, kalau saya buat begitu nanti ambil masa pula, dan akhirnya Tun tak dapat bagi tahu segala-galanya kepada saya. Itu akan jadi masalah pula. Nanti orang kata pula Pak Lah pi (pergi) kacau buat apa. Tun nak bagi tahu kat Pak Lah, Pak Lah dengarlah.

Tapi sikap saya dari awal saya nak beri peluang kepada dia nak cakap apa yang dia tak senang hati. Saya patuhilah dengan niat saya itu. Ada Tun ambil masa sejam setengah. Kami setuju untuk jumpa dua jam. Jadi tinggallah setengah jam lagi. Bila Tun berhenti sendiri, saya tak

kata, Tun berhentilah. Dia *pause* (berhenti) lama tu, saya agak tak ada apalah, kalau ada dia cakaplah tapi dia *pause* lama.

Saya cakap tentang apa yang ditimbulkan dari satu tajuk. Mula-mula dia kata negara ini telah jadi negara polis. Itu saya tak setuju. Kedua, dia cakap perkara Umno sekarang ni takut dan tak boleh beri pandangan, semua nak turut sayalah. Siapa tak berani tentang atau bagi pandangan yang lain.

Saya kata semua tak betul. Ahli-ahli Umno semua rasa senang di bawah kepemimpinan saya kerana mereka rasa lega kerana mereka boleh cakap... demokrasi. Ini dilahirkan sendiri oleh pemimpin Umno. Lepas itu ada lagi... Itu saya kata (beritahu wartawan) secara ringkas... Lepas pada itu ada (lagi).

Beliau sebut sikit pasal hal saya melarang dia pi (pergi) sana sini... Saya tidak beri arahan apa-apa. Masa saya dulu, saya tak dilarang pun... mungkin pada peringkat dia, dia tak larang, saya boleh pergi sana sini. Masa itu, saya Naib Presiden (Umno) yang dipilih, saya berjawatan dalam parti, Naib Presiden. Kalau nak ikut, saya boleh pergi mana-manapun.

Walaupun begitu, masih ada lagi orang yang melarang saya, mungkin dia tak tahu mungkin masa itu perkara itu dilakukan oleh orang yang hendak beri dia bertindak, bagi dia seronok kut... Nak berjaya, nak menghalang Pak Lah, tapi dah tentulah kat orang pun berlaku, kat saya pun berlaku. Selepas pada itu, saya tak mahu *detail*. Saya sentuh sikit-sikit sudahlah.

Pasal hal yang berkaitan dengan anak menantu saya, saya jelaskan pada dia. Beliau kata buat (panggilan) telefon sana sini kat pejabat kerajaan dan sebagainya. Tapi bila dia kata anak saya Kamal (Kamaludin) tidak ada kemudahan bila dia ambil projek... yang tidak ada kemudahan pada diri. Dia biasa kata dapat kontrak arang.

TNB tak ada kapal. Apa pasal TNB tak ada kapal? Itu tak betul, memang dia ada kapal. Kapal itu 180 buah, kapal apa yang dimiliki oleh sebuah syarikat yang Scomi ambil alih. Ada 80 kapal tu nak buat macam body

(badan) kapal, body bas, body van. Syarikat itu memang ada bengkel. Tak lebih dari itu saya cakap dengan dia.

Dan hal yang berkaitan dengan projek yang Kamal dapat itu dan perbalahan berkaitan dengan projek Kamal dapat, saya kata anak dia pun dapat juga, bukan Scomi saja, kontrak dia (anak Dr Mahathir) lebih besar daripada apa yang Scomi dapat, saya terang begitulah.

Jadi suasana (pertemuan) tidak ada pertelingkahan, tiada cakap kasar, tenang saja, tapi saya tak berpeluang pun bercakap. Tun kata dua jam, kita kena berhenti di sini sajalah. Saya pun tak kata apa.

? Pak Lah sudah jelaskan, jadi apa lagi yang perlu dijelaskan?

Yang itu baru ikut senarai, senarai tu banyak, lagi panjang tapi kebanyakan itu perkara yang sudah pun dia cakap dulu tapi dia nak cakap direct dengan saya, bukan sekadar saya dengar apa yang dilaporkan. Jadi, saya tak dapat nak cakap. Saya pun tak berminat untuk nak berbalah. Apa yang dia nak beritahu dan saya beri laluan.

Dari segi itu, Alhamdulillah, saya puas hati kerana saya tidak menghalang dia. Saya kata, sebenarnya Tun juga cadangkan biarlah menteri yang cakap. Saya ikut dialah, biarlah menteri cakap. Tapi dari segi kata saya tak boleh jawab itu, saya tak seronoklah.

Kemudian bila Tun cakap (selepas perjumpaan) dan saya sedihlah sikit masa raya orang dok sibuk cakap pasal Tun. Datang raya orang tanya saya. Saya kecewa dan sedih, saya harap dia dapat tunggu penjelasan.

Saya rasa sedih mengenainya kerana dia sudah bagi tahu apa yang dia nak tetapi saya perlu mengambil masa untuk memberi maklum balas. Tetapi dia terus mengulangnya lagi... saya fikir dengan kata yang berbisu (*with strong doses of venom*). Orang berharap penyelesaian selepas mesyuarat itu. Ya, saya perlukan masa untuk menjawabnya, dia telah beritahu apa yang ingin dia katakan, tapi nampaknya dia kembali dengan kritikan lebih keras.

? Sultan Johor kata Tun per-lubertindak sebagai seorang yang sudah bersara.

Kenyataan Sultan itu sebenarnya membayangkan perasaan banyak (ramai) orang... ramai orang.

? Ribuan rakyat yang datang ke rumah terbuka di Pusat Dagangan Dunia Putra dan Kepala Batas. Apa antara mesej yang disampaikan

Semua orang ucapkan Selamat Hari Raya. Ada yang tambah lagi tu... yang lagi tambah-tambah lagi. Terus Pak Lah, you (awak) ada masa lagi, boleh buat, jangan kecewa, kami menyokong Pak Lah, kami faham, Pak Lah pun baru. Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) baru lagi, Tun kata dua tahun. RMK-9 kita lulus pada 31 Mac 2006, Mac, April, Mei, Jun, Julai, Ogos, September, baru tujuh bulan. Dia kata dua tahun tak buat apa-apun RMK-9, tak betul maklumat tu.

? Dua menteri berkunjung ke rumah terbuka Tun di Seri Kem-bangan. Apa komen Datuk Seri

Tak apa, depa nak pi (pergi) kerana silaturahmi, hari raya, satu perkara yang wajib dan tak wajar mana-mana pihak kata jangan pergi rumah dia dan jangan pergi rumah orang ni. Perangai ini berlawanan dengan semangat hari raya, tak mau pi (pergi) soal lain. Untuk nak larang tak boleh, nak pergi tak apa.

? Kenapa sampai 18 bulan nak tangguh pemilihan Umno kerana pilihan raya nak dekat?

Itu keputusan yang kita timbangkan kerana yang akan adili keputusan nanti untuk bubar Parlimen bukan saya, untuk maklumkan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk bubar Parlimen, lepas berlaku, tentulah akan jadi saya, biarlah saya ada opsyen, opsyen pada diri saya, kalau saya kata nak buat tahun depan.

? Kemungkinan pertemuan kedua dengan Tun

Tengoklah, segala-galanya mungkin, dan segala-galanya juga tidak mungkin.

? Bila nak beri penjelasan lanjut perkara dibangkitkan oleh Tun

Bila... akan ambil masa sedikit. Tak kan nak cerita kat awak pulak. Tengoklah, kita carilah pandangan yang baik.

? Adakah perkara ini akan selesai

Saya tak tau, *he's the one*. Bagi saya, saya amat memahami bahawa saya janji dengan rakyat banyak menerusi manifesto, saya memahami dan amat mengetahui dan melaksanakan seboleh-bolehnya apa yang saya katakan saya nak laksana. Saya juga fahami pada masa ini, RMK-9 banyak program kita dah mulakan, tapi program dimulakan dan ambil sikit masa untuk lahirkan dan menerbitkan hasilnya dan tunjukkan hasil.

Insya-Allah dengan apa yang diusahakan sekarang ini, sebelum pertengahan 2007, akan nampak lebih jelas projek yang dilaksanakan, peluang kerja, peluang perniagaan kepada banyak kumpulan kontraktor, subkontraktor, penjual barang yang diperlukan oleh industri binaan seperti simen, pasir, dan lain-lain lagi.

Pada masa ini, sebenarnya kontraktor kelas F banyak. Dah banyak yang buat kerja menerusi wakil rakyat. Projek tempatan yang dicadangkan, Projek Kelas F bagi kawasan mereka menggunakan peruntukan, sedang dengan rancaknya dilaksanakan pada waktu ini.

Ia kontraktor kecil dan bagi kontrak besar, memang banyak lagi... sekarang dah mula. Samy Vellu (Menteri Kerjaraya) sudah cepatkan lukisan teknikal. Kena cepatkan kalau tidak nanti, projek itu tak dapat ditender dengan secepat mungkin sebab tak ada lukisan teknikal dan lain-lain dan kita buat keputusan kalau JKR tak mampu laksanakan, biarlah kementerian diberi peluang untuk dapatkan kontraktor yang akan membantu membolehkan projek dilaksanakan dan beberapa kaedah lain.

Dapat dicepatkan dengan mengeluarkan tender, pihak yang hendak ambil bahagian dalam tender agar dapat membentangkan lukisan tek-

nikal yang dicadangkan, kita pilih yang terbaik. Dari segi kualiti, dari segi harga berapa banyak, kita nak tengok, biar kontraktor cadangkan. Cari jururunding, ada syarikat dah ada kemampuan untuk membuat teknikal *drawing*. Ini ada.

? (Mengenai Malaysia bukan sebuah negara polis)

Saya terangkan kepada Tun bahawa Malaysia bukan negara polis, dan memanglah kalau kita nak cakap tiada satu sebab yang wajar yang boleh diterima dan masuk akal yang boleh diketengahkan untuk mengatakan Malaysia adalah negara polis.

Saya tidak berniat untuk menjadikan negara ini negara polis, negara yang dapat hidup adalah negara yang mendaulatkan undang-undang yang mengakui keluhuran Perlembagaan, yang diperintah oleh kerajaan yang demokratik, kerajaan yang adil dan saksama, memberi pembangunan kepada rakyat, yang inginkan negara makmur dan maju.

Kedaulatan undang-undang tetap dipelihara. Kalau seseorang patuh kepada undang-undang, tiada sesuatu yang patut dia takut, dia bebas buat apa juga mengikut undang-undang yang kita pakai pada masa ini. Undang-undang yang diperbuat Parlimen pada waktu Parlimen bebas, bukan dibuat pada masa Parlimen darurat.

Parlimen yang bersidang mengikut jadual, Parlimen yang dianggap sebagai satu institusi yang diiktiraf baik dan demokrasi. Itu Parlimen kita.

Kita memang ada polis tetapi negara kita bukan diperintah oleh polis, diperintah oleh kerajaan pilihan rakyat, kerajaan yang bekerja untuk rakyat. Saya beri pandangan kepada Tun dan Tun tidak berhujah.

Dia beri pandangan dan saya beri pandangan, yang saya terang ini untuk orang ramai. Ini tidak disebut dalam pertemuan dengan Tun. Saya kata rakyat ada kebebasan mengikut undang-undang.

Mengikut undang-undang, rakyat tetap bebas. Tiada undang-undang polis yang diwujudkan untuk mengawal, menahan dan menindas rakyat.

BH-27/10/2006